



'Nilai dasar baik Kerajaan Perpaduan selepas 100 hari'

Amir Abd Hamid -

Disember 11, 2022 @ 1:47pm

KUALA LUMPUR: "Apabila kerajaan sudah menyempurnakan pembentukan Kabinet, mereka perlu mula bekerja.

"Kurangkan politiking, tentukan apa dasar dan polisi yang boleh membantu serta meringankan beban rakyat. Kerajaan sekarang perlu sedar punyai mentaliti kerajaan dan bukan lagi pembangkang,"

Teguran ikhlas itu diluahkan penganalisis politik Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain, kepada Kerajaan Perpaduan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mohd Izani berkata, walau pun sering diasak oleh Perikatan Nasional (PN) selaku pembangkang, namun sebagai kerajaan yang diberikan amanah mentadbir Malaysia, Anwar dan pimpinannya tidak boleh hilang fokus mentadbir negara dengan berkesan.

"Saya berpandangan, kerajaan dibentuk selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) perlu diberi tempoh 100 hari supaya rakyat dapat melihat apakah dasar-dasar yang baik boleh dilaksanakan.

"Gabungan manifesto Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN) perlu menjadi keutamaan untuk kerajaan mencari jalan melaksanakannya," katanya.

Masyarakat di Malaysia sudah mula resah dengan situasi berbalas-balas kenyataan dan permainan politik antara kerajaan dan pembangkang yang tidak berkesudahan bagaikan menenggelamkan isu utama hidup rakyat.

Malah ramai sudah bersuara bahawa kerajaan kini perlu bekerja untuk tangani isu rakyat seperti harga barang mahal, kos sara hidup, telur ayam 'hilang' dan bukannya asyik berterusan dengan permainan politik.

Geostrategis dan Felo Kanan Akademi Penyelidikan Strategik Institut Nusantara, Prof Dr Azmi Hassan, berkata antara 'gangguan' adalah apabila pihak tidak bersetuju dengan penubuhan Kerajaan Perpaduan yang sudah pun mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, berterusan menimbulkan naratif meresahkan.

"Antara naratif ditimbulkan seperti pembangkang masih mengatakan mereka mempunyai sokongan majoriti dan Kerajaan Perpaduan tidak akan bertahan lama.

"Memang betul mereka adalah pembangkang tetapi itu bukanlah bentuk pembangkang yang kita mahukan. Kita mahukan pembangkang yang menongkah dasar bakal diadakan dengan turut mengemukakan cadangan balas.

"Itu pembangkang yang kita mahukan. Jika mereka terus menerus dengan sikap masih tidak puas hati dengan penubuhan Kerajaan Perpaduan, maka mereka tidak akan menjadi pembangkang yang baik dan juga kerajaan sukar melaksanakan tugas mereka kerana terpaksa menepis pelbagai tohmahan yang dilemparkan," katanya.

Menurutnya, adalah dikhuatiri andai perkara sebegitu berterusan dan berlarutan maka objektif utama untuk manfaat rakyat tergendala.

Ini kerana, katanya, apabila tanggungjawab kerajaan tidak dapat dilaksanakan dan tanggungjawab pembangkang pun tidak dapat dilaksanakan dengan sebaiknya bagi faedah seluruh rakyat di negara ini.

"Seperti cakap orang putih kita 'move on'. Kita beri peluang kepada kerajaan menjalankan tugas dan pembangkang juga kita beri peluang bertindak sebagai pembangkang yang konstruktif bukan hanya menaburkan senario kekeliruan.

"Kalau kita masih berterusan seperti ini (berpolitik) maka kita tidak akan dapat bertahan atau pun menempuhi cabaran yang dihadapi sekarang dan dugaan mendatang apabila langkah persediaan menghadapinya terganggu dengan politiking berlarutan," katanya.